

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22/10/2008



DR. Mahathir Mohammad berucap pada Forum Perpaduan Menjelang Abad 2020 di UKM, Bangi, malam tadi.

# Tegur kepimpinan perkara biasa

UM - 22/10/2008

BANGI 21 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan langkah pihak di luar UMNO menegur kepimpinan parti itu 'adalah satu perkara biasa yang dibuat semata-mata demi perpaduan dalam UMNO.'

Beliau berkata, bukan dirinya seorang sahaja yang membuat teguran seumpama itu, sebaliknya ramai lagi orang yang berada di luar parti itu melakukan perkara yang sama.

"Banyak orang luar daripada parti UMNO yang membuat teguran dan bukan saya semata-mata," katanya kepada pemberita selepas menjadi ahli panel Forum Perpaduan bertajuk *Perpaduan Menjelang Abad 2020* anjuran Universiti

ti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini malam ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membidas beliau kerana mencampuri urusan pemilihan dalam parti UMNO pada Mac depan.

## Zamannya

Beliau yang pernah memimpin UMNO selama 23 tahun berkata, semasa zamannya sebagai Perdana Menteri dahulu beliau juga menerima teguran daripada individu-individu yang bukan berada dalam UMNO.

"Semasa zaman saya (menjadi Perdana Menteri) dahulu, Almarhum Tunku Abdul Rahman pernah membuat teguran terhadap diri saya," ujarnya.

Bagaimanapun, kata beliau, teguran yang diterimanya tidak dibantah dan beliau menerimanya dengan fikiran terbuka.

Menurut Dr. Mahathir, dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, tegur-menegur bukanlah sesuatu yang luar biasa.

Turut menjadi ahli panel pada forum yang disertai Dr. Mahathir ialah Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dan Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin.